

TARIKH : 2 SEPTEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 27

PETRONAS tiada masalah bayar dividen RM50 bilion

PETRONAS tiada masalah bayar dividen RM50 bilion

Prestasi kewangan kukuh mampu tampung pembayaran kepada kerajaan


Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

PETRONAS mampu menampung pembayaran dividen RM50 bilion kepada kerajaan tahun ini berikutan prestasi kewangannya yang kukuh tanpa menjejaskan kunci kira-kira syarikat minyak dan gas nasional itu dengan ketara.

Penganalisis RHB Investment Bank, Sean Lim, berkata keuntungan selepas cukai PETRONAS dalam tempoh enam bulan pertama 2022 melonjak satu setengah kali ganda kepada RM46.4 bilion berbanding setahun lalu, seiring dengan perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) lebih tinggi, susulan harga jualan purata (ASP) lebih tinggi yang mengimbangi jumlah jualan lebih rendah.

Beliau berkata, selepas bayaran dividen RM9 bilion pada suku kedua 2022, menjadikan bayaran dividen bagi separuh pertama 2022 kepada RM12 bilion, kedudukan tunai bersih PETRONAS terus mengukuh kepada RM103 bilion, diperteguhkan oleh aliran tunai operasi yang lebih tinggi.

"PETRONAS memberikan bayangan untuk membayar dividen RM50 bilion (daripada RM25



Keuntungan selepas cukai PETRONAS dalam tempoh enam bulan pertama 2022 melonjak satu setengah kali ganda kepada RM46.4 bilion berbanding setahun lalu. (Foto hiasan)

bilion sebelum ini) kepada pihak kerajaan tahun ini.

"Hal ini akan menjadi bayaran dividen kedua tertinggi selepas bayaran RM54 bilion yang dibuat pada 2019. Kami percaya syarikat minyak kebangsaan ini mampu menampung jumlah yang sedemikian," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Perbelanjaan modal ditingkatkan

Sementara itu, Lim berkata, perbelanjaan modal PETRONAS pada suku kedua 2022 ditingkatkan kepada RM11.5 bilion, lantas menaikkan angka bagi enam bulan pertama 2022 kepada RM18.9 bilion.

Beliau berkata, segmen hulu adalah penyumbang terbesar dengan catatan 63 peratus, disusuli oleh bahagian gas dan hili-

ran dengan pecahan sama rata sebanyak 13 peratus setiap satu.

Katanya, keseluruhan perbelanjaan modal yang digunakan pada separuh pertama 2022 mewakili 32 peratus daripada RM60 bilion yang dibayangkan untuk tahun ini.

"Oleh itu, perbelanjaan modal dijangka meningkat pada separuh kedua 2022. Perbelanjaan modal domestik bertambah sebanyak 30 peratus berbanding setahun lalu untuk mengukuhkan sistem perkhidmatan dan peralatan minyak & gas (OGSE) dan aktiviti mungkin meningkat pada suku-suku akan datang.

"Sementara itu, kapasiti tenaga boleh diperbaharui (RE) oleh PETRONAS dalam bahagian operasi dan di bawah pembangunan berada pada 1.1 gigawatt (GW).

"Ambil maklum bahawa susulan pengenalan Gentari (sebelum ini dikenali sebagai Petronas Gas and New Energy) pada Jun, ia bercita-cita untuk membina kapasiti RE 30 hingga 40 GW yang mampu membekalkan hidrogen sebanyak 1.2 juta tan setahun (mtpa) dan menjadi penyedia penyelesaian mobiliti hijau terpilih yang memiliki bahagian pasaran sebanyak 10 peratus (kira-kira 25,000 stesen pengecasan) di Asia Pasifik menjelang 2030," katanya.

Lim berkata, peningkatan aktiviti dan peruntukan perbelanjaan modal akan memberikan manfaat kepada penyedia perkhidmatan hulu seperti penggerudi serta berkaitan selenggara.

Pilihan utama adalah syarikat Yinson, Bumi Armada dan Coastal Contracts.